

**JABATAN PERHUTANAN NEGERI  
KELANTAN DARULNAIM**

**KENYATAAN TAWARAN**

1. Tawaran adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan sebagai Kontraktor Pembangunan Hutan dan Kementerian Kewangan Malaysia untuk memasuki tawaran ini bagi melaksanakan dan menyiapkan kerja-kerja berikut:-

BIL	NO.SEBUTHARGA	AKTIVITI	KOMPARTMEN / HSK	LUAS ( HA )	KELAYAKAN
1	JPNK/KN/USKB/SH/ 02/2022	Rawatan Tanaman Mengaya	Kompt. 19 Blok A & B HSK Sg. Betis, Jajahan Kelantan Selatan..	20	KKM 222104 (Pertanian/ Tanaman/ Ladang/ Taman/Hutan dan Ladang Hutan  Atau  KKM 222105 (Rawatan Hutan)
2	JPNK/KN/USKB/SH/ 03/2022	Rawatan Tanaman Mengaya	Kompt. 26 Blok A & B HSK G. Rabong, Jajahan Kelantan Selatan.	20	KKM 222104 (Pertanian/ Tanaman/ Ladang/ Taman/Hutan dan Ladang Hutan  Atau  KKM 222105 (Rawatan Hutan)
3	JPNK/KN/USKB/SH/ 04/2022	Rawatan Tanaman Mengaya	Kompt. 33 Blok A & B HSK G. Rabong, Jajahan Kelantan Selatan..	20	KKM 222104 (Pertanian/ Tanaman/ Ladang/ Taman/Hutan dan Ladang Hutan  Atau  KKM 222105 (Rawatan Hutan)

3. Hanya kontraktor yang mempunyai tempoh pendaftaran yang sah tidak kurang dari dua (2) bulan selepas tarikh tutup sebutharga dibenarkan menyertai sebutharga ini.
4. Buku Dokumen Sebutharga akan dijual dengan harga sebanyak RM50.00 senaskah untuk setiap sebutharga dan dibayar di dalam bentuk Wang Pos Malaysia atau Draf Bank berpalang di atas nama "**PENGARAH PERHUTANAN NEGERI KELANTAN**".
5. Kontraktor yang ingin membeli Buku Dokumen Sebutharga dikehendaki membawa **SIJIL PENDAFTARAN** (Asal) dari Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) serta Resit Bayaran Pendaftaran Kontraktor dengan Jabatan mulai tarikh iklan sehingga tamat tempoh sebutharga ini. Salinan Fotostat Sijil Pendaftaran KKM tidak akan diterima. Wakil kontraktor yang menghadiri lawatan tapak hendaklah membawa dan mengemukakan Surat Lantikan Wakil daripada kontraktor yang asal.
6. Dokumen Sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri serta ditulis "**NOMBOR SEBUTHARGA**" di sudut sebelah kiri bahagian atas sampul surat tersebut dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebutharga yang disediakan di :

**BAHAGIAN PEMBANGUNAN HUTAN  
JABATAN PERHUTANAN NEGERI KELANTAN  
BLOK 5, TINGKAT 1, KOTA DARULNAIM,  
15503 KOTA BHARU, KELANTAN**

7. Tarikh tutup bagi tawaran di atas ialah pada jam **12.00 tengahari, 22 Jun 2022 (Rabu)**. Pihak Jabatan tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran.

**PENGARAH PERHUTANAN NEGERI,  
KELANTAN DARULNAIM .**

**Tarikh : 08 Jun 2022**